

# 466 pakar penyelidikan bimbing usahawan PKS m/s 51

SINAR HARIAN • 7 MEI 2017 AHAD

KUANTAN - Sebanyak 451 Syarikat Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di seluruh negara kini mampu meningkatkan produktiviti dan pengeluaran produk mereka melalui inisiatif inovasi Public- Private Research Network (PPRN).

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Nik Ali Mat Yunus berkata, daripada jumlah itu, 10 daripadanya adalah PKS daripada negeri ini yang turut menerima inisiatif daripada PPRN.

Menurutnya, kesemua PKS terpilih akan dibantu oleh 466 pakar penyelidikan IPT melalui 634 projek yang dipadankan dengan produk dihasilkan mereka.

"Kita akui PKS amat terkesan dengan ketidakstabilan ekonomi disebabkan sumber dan teknologi terhad menyebabkan kesukaran untuk pengusaha PKS tawarkan produk dan perkhidmatan baharu berkualiti, berdaya saing serta kos



**Nik Ali (dua, kiri) melihat salah satu produk madu PKS yang berjaya dibimbing menerusi program PPRN di UMP, Gambang, semalam**

efektif.

"Justeru, satu pendekatan yang inovatif dan holistik perlu segera diambil bagi memastikan perusahaan dan syarikat dapat meningkatkan daya saing serta produktiviti mereka agar dapat bersaing di pasaran Asia yang lebih kompetitif sebelum ke pe-

ringkat global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bersempena Siri Jelajah PPRN @ Pahang di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.